


KATEKESE@RUMAH 2022 #10

"JANGAN RAGU LAGI, PERCAYALAH"

(Minggu Kedua Paska)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



PENGENALAN

Ibu bapa dan penjaga yang dihormati. Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang berkaitan Bacaan Injil untuk Minggu Kedua Paska. Ia juga Minggu Kerahiman Ilahi, dan kami secara khusus berdoa kepada Tuhan untuk rahmat dan pengampunan dosa kami hari ini.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Iubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Minggu Kedua Paska.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa di Syurga, kami berterima kasih atas pemberian setiap orang yang berkumpul di sini hari ini. Kami memohon rahmat dan keampunan-Mu, terutama pada masa-masa kami meragui-Mu. Tolong bantu kami untuk bertumbuh dalam iman dan cinta kepada-Mu. Roh Kudus, Roh Kedamaian, pimpin kami dalam perhimpunan keluarga kami. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari **Yohanes 20:19-31**. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

Masa untuk Renungan dan Perbincangan:

Pintu-pintu bilik ditutup di mana Rasul-rasul berada, kerana takut kepada orang Yahudi. Yesus datang dan berdiri di antara mereka. Dia berkata kepada mereka, 'Damai sejahtera bagi kamu.', dan menunjukkan kepada mereka tangan dan tepinya. 'Seperti Allah mengutus Aku, demikian juga Aku mengutus kamu.'

Di saat ketakutan dan ketidakpastian, apakah respon saya?
Bagaimana saya boleh menerima kedamaian Yesus pada masa ini?

Tomas, salah seorang daripada Dua Belas, tidak bersama mereka. Apabila Rasul-rasul memberitahunya tentang Yesus, dia enggan percaya. Lapan hari kemudian, Yesus menampilkan diri lagi kepada mereka dan berkata, 'Damai sejahtera bagi kamu.' Kemudian dia berkata kepada Tomas, 'Letak jarimu di sini; lihat tangan saya'. Hurlurkan tangan anda; letakkan di sisi saya. Jangan ragu lagi tetapi percayalah.' Tomas menjawab, 'Tuhanku dan Allahku!'

Mengapa Tomas enggan mempercayai Rasul-rasul yang lain?
Apa yang mungkin menyebabkan saya meragui kasih dan kuasa Tuhan dalam hidup saya?

Yesus berkata kepadanya, 'Engkau percaya kerana engkau dapat melihat Aku. Berbahagialah mereka yang tidak melihat tetapi percaya.'

Apa yang boleh saya lakukan hari ini untuk meningkatkan iman dan kepercayaan saya kepada Tuhan?

Daripada bacaan minggu ini, kita dapat melihat bahawa bukan mudah untuk percaya kepada Yesus, terutamanya pada masa ketakutan dan ketidakpastian. Namun, Yesus benar-benar bangkit, dan dia masuk ke dalam pintu hati kita yang tertutup, mengucapkan kita damai dan meminta kita untuk percaya kepadanya. Kami berdoa untuk bimbingan Roh Kudus, dan untuk rahmat untuk percaya walaupun kita tidak dapat melihat.

Katakan doa ini bersama-sama sebagai sebuah keluarga:

"Tuhan Yesus, Engkau telah turun dari syurga supaya kami boleh hidup dalam nama-Mu. Anda meminta kami untuk percaya dan menaruh harapan kami kepada-Mu. Kami tahu bahawa anda mengasihi kami dan menjaga kami sentiasa. Semoga kami terus bertumbuh dalam iman kami dan mengikuti kamu, terutamanya pada masa kesusahan."

AKTIVITI-AKTIVITI BERKAITAN

Di bawah terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada Minggu Kerahiman Ilahi. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

Activity #1: Pecahkan Kod

Percaya Yang Dilihat?

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M
N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z

Aktiviti #2: Rungkaikan mesej tersebut.

Rungkaikan nama rasul-rasul di dalam kotak. Lengkapkan ayat dengan menggunakan huruf dari kotak bernombor untuk mengetahui apa yang dikatakan Yesus kepada murid-muridnya.

RUTPSE

27	28	30	29	39	6

DSAERNA

24	36	42	47	7	22	40

UASKBOY

	13	17		32	41	

EAHNOSY

		9	2	44	26

ILUSFIP

	16		43	33	49

TAMOS

10		3	15	21

ASUITM

23	8	50	31	37	46

USEADT

	18	1	35	45	

SIMNO

51	5	34		48

ASORBULTEMO

14	4	12	38			19	11	20	25



FILIPUS	TOMAS	MATIUS
TADEUS	SIMON	
BARTOLOMEUS	PETRUS	
ANDREAS	YAKOBUS	YOHANES

1	2	3	4	5

		J					
6	7	8	9	10	11	12	13

		G	
14	15	16	

			!
17	18	19	20

21	22	23	24

25	26	27	28	29	30	31

32	24	33	8

		G				
34	35	36	37	38	39	40

			,
4	17	41	

42	28	19	43	17	43	4	44

J		G	
45		15	

						G
46	26	17	24	47	18	48

15	17	49

		G				
34	35	44	41	50	20	51


				.
17	15	3	39	

Aktiviti #3: Isikan tempat kosong.

Tetapi Tomas, seorang dari kedua belas murid itu, yang disebut _____, tidak ada bersama-sama mereka, ketika Yesus datang ke situ. Maka kata murid-murid yang lain itu kepadanya: "Kami telah melihat _____!" Tetapi Tomas berkata kepada mereka: "Sebelum aku melihat bekas _____ pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan jariku ke dalam bekas paku itu dan mencucukkan tanganku ke dalam _____-Nya, sekali-kali aku tidak akan percaya."

_____ hari kemudian murid-murid Yesus berada kembali dalam rumah itu dan _____ bersama-sama dengan mereka. Sementara pintu-pintu terkunci, Yesus datang dan Ia berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata: " _____ sejahtera bagi kamu!" Kemudian Ia berkata kepada Tomas: "Taruhlah _____mu di sini dan lihatlah _____-Ku, ulurkanlah tanganmu dan cucukkan ke dalam lambung-Ku dan jangan engkau tidak _____ lagi, melainkan percayalah." Tomas menjawab Dia: "Ya Tuhanku dan _____ku!" Kata Yesus kepadanya: "Karena engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya. Berbahagialah mereka yang tidak _____, namun percaya."

Tuhan	Tomas	jari	Allah
paku	Delapan	percaya	Damai
lambung	tangan	Didimus	melihat




Aktiviti #4: Menyelesaikan Teka-Teki

Jangan Ketinggalan Gereja!

Pada petang hari pertama dalam minggu itu, ketika pengikut-pengikut Yesus berkumpul bersama-sama, dengan pintu terkunci kerana takut kepada orang Yahudi, Yesus datang dan berdiri di antara mereka dan berkata, "Damai sejahtera kepada kamu!" Yohanes 20:19 (NIV)

Berdasarkan Yohanes 20:19-31



MELINTANG



3. Bahagian badan dihujung lengan.
5. Tidak terbuka.
6. Bahagian masuk ke bangunan.
8. Perasaan gembira, tiada konflik dengan orang lain.
9. Tidak mengikut ajaran agama.

KE BAWAH

1. Sukar percaya akan kebenaran.
2. Dalam keadaan tenang dan aman.
4. Pengikat besi yang digunakan ke atas kayu.
5. Pengikut yang hanya percaya setelah melihat dengan matanya sendiri.
7. Kepercayaan seseorang.

RIANG	AGAMA	DOSA	THOMAS	TERTUTUP
KERAGUAN	TANGAN	PINTU	PAKU	DAMAI

Aktiviti #5: Bantu Thomas mencari jalan ke Yesus



Aktiviti #6: Mewarna gambar.

